

Zainoh juara Kejohanan Badminton Tertutup UMS

NST 29.03.2012 23

KOTA KINABALU: Kelab Badminton UMS dengan kerjasama Pusat Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya menganjurkan kejohanan Badminton Tertutup buat julung kalinya di Kompleks Sukan Likas pada 24-25 Mac lalu.

Seramai 82 peserta telah menyertai kejohanan ini dan mereka terdiri daripada pelajar-pelajar dan staf UMS.

Kejohanan yang berlangsung selama dua hari ini bertujuan untuk mencari bakat baru bagi acara badminton bagi menyertai Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) siri 1 yang akan diadakan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), serta melahirkan mahasiswa-mahasiswa yang sihat dan cergas. Pelbagai gaya dan aksi telah ditonjolkan oleh para pemain sepanjang kejohanan ini berlangsung.

Permain perseorangan lelaki Zainoh Janjam mempamerkan aksi cemerlang dengan menundukkan Hassan Bin Enses 22-20, 21-14 bagi muncul johan kategori perseorangan lelaki. Manakala Zaen Ismail sekadar berpuas hati di tempat ketiga diikuti oleh Lim Tzer Feng di tempat keempat.

Sementara itu johan perseorangan wanita Leu Siew Ling mengambil masa selama 35 minit dalam perlawanannya tiga set sebelum berjaya menewaskan Bettney Haijon dengan keputusan 21-4, 7-21 dan 21-10.

Pasangan beregu lelaki Muhammad Naqiuddin Bin Elias dan Mohamad Zulhusni Bin Abdul Aziz mempamerkan corak permainan yang konsisten untuk muncul johan kat-

egori beregu lelaki dengan keputusan 21-16, 21-16 terhadap pasangan Ag. Khaifah Riayard Bin Kiflee dan Mohd Azrie Bin Rahaman.

Sementara itu, johan beregu wanita diperoleh Tan Jee Ying dan rakan sepasukannya Liew Siew Ling. Pasangan ini menewaskan pasangan Anthena Kong Mei Tze dan Nurul Sahliana Binti Sahidin dengan keputusan 21-6, 21-7.

Bagi kategori kakitangan pula, beregu Abdul Jalil dan Joybai telah bertungkus lumus sebelum berjaya menumpaskan pasangan Hanafiah dan Masrin 21-16, 21-16 dalam perlawanannya selama 45minit.

Penasihat Kelab Badminton UMS, En Rodeano Rosli, yang juga merupakan pensyarah UMS dalam pada itu menyatakan penghargaannya kepada semua pihak, terutamanya kepada presiden Kelab Badminton UMS saudara Lim Tzer Feng dan pengarah kejohanan saudara Lim Chee Teng atas kejayaan menganjurkan kejohanan ini buat julung kalinya. "Saya berharap agar sukan badminton akan terus mekar dan menjadi sukan nombor satu di Universiti Malaysia Sabah pada masa akan datang" katanya.

Menurutnya lagi, Kelab Badminton UMS juga sedang dalam perancangan untuk menganjurkan Kejohanan 'Bayu Cup' yang akan melibatkan semua IPTA dan IPTS di seluruh Sabah.